

**TERMA DAN SYARAT CIMB ISLAMIC BANK BERHAD YANG DIPERUNTUKKAN UNTUK OPERASI AKAUN UNIT AMANAH DAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN**

**1. Definisi dan Tafsiran**

1.1 Dalam terma dan syarat ini, terma berikut adalah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan :-

Akaun	bermaksud akaun unit amanah yang dibuka oleh Pelanggan dengan CIMB Islamic.
ATM	bermaksud mana-mana mesin juruwang automatik CIMB Islamic.
Kad	bermaksud dan termasuk kad kredit, kad akses, kad debit dan mana-mana token kredit sama ada kad atau token adalah dalam bentuk kad.
CASA atau CASA-i	merujuk kepada akaun semasa atau akaun simpanan yang dibuka oleh Pelanggan dan disimpan dengan CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad.
CIMB Islamic	bermaksud CIMB Islamic Bank Berhad (Registration No. 2004 0103 2872 (671380H)), sebuah bank yang dilesenkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 2016 dan termasuk pewaris hakmilik dan penerima maklumat.
Perkhidmatan Penjagaan	bermaksud perkhidmatan yang diberi oleh CIMB Islamic kepada Pelanggan untuk melanggan/membeli, memegang, menukar, memindah atau menebus Unit-Unit dalam mana-mana Dana yang mematuhi Shariah yang dimiliki secara benefisial oleh Pelanggan dan dipegang oleh CIMB Islamic sebagai nomini untuk Pelanggan.
Pelanggan	bermaksud mana-mana syarikat, individu atau individu-individu (bersesama dan berasingan di mana terdapat lebih daripada satu) yang memohon untuk membuka dan menyimpan suatu Akaun untuk memegang, melanggan, menukar, memindah atau menebus Unit-Unit atas terma dan syarat ini dan juga termasuk estet, wakil peribadi atau sah Pelanggan dan penerima maklumat yang diberikuasa.
Hari Urusan	bermaksud hari yang mana urusan berlaku berkenaan Unit.
Perkhidmatan Elektronik	termasuk jika ada, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh CIMB Islamic atau penggunaan Kad di mana-mana ATM atau terminal atau kaunter mana-mana cawangan CIMB Islamic, mana-mana perkhidmatan perbankan yang diberi melalui telefon, mana-mana Perkhidmatan Perbankan Atas Talian dan kemudahan elektronik termasuk mana-mana kad dan peranti elektronik berkomputer atau telekomunikasi atau cara pembukaan akaun di Malaysia.
Dana	bermaksud mana-mana unit amanah yang mematuhi Shariah, dana pelaburan, dana bersama atau skim pelaburan kolektif lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan diedarkan atau disediakan melalui CIMB Islamic di bawah terma dan syarat ini.
Pengurus Dana	bermaksud pengurus, pengisu, wakil atau ejen atau pengurus pelaburan mana-mana Dana.
Internet	bermaksud rangkaian global komputer, telekomunikasi dan perisian yang memudahkan komunikasi, elektronik atau sebaliknya antara individu dan mesin.
Permohonan Internet	bermaksud permohonan untuk Unit melalui Internet atau cara elektronik lain melalui komputer.
Bahan	bermaksud Prospektus, Kertas Makluman Produk dan bahan-bahan lain berkenaan mana-mana Dana seperti laporan Dana terbaru yang diisukan oleh Pengurus Dana.
PIDM	bermaksud Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, suatu agensi kerajaan Malaysia yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit yang dipegang di ahli-ahli banknya tetapi tidak termasuk Unit Amanah.
Prospektus	bermaksud versi prospektus terbaru yang diterbit berkenaan mana-mana Dana yang diperlukan di sisi undang-undang.
Individu Relevan	bermaksud dan termasuk mana-mana penjaga, pengurus, ejen, nomini, pemegang amanah, mana-mana bank, institusi elektronik komputer telekomunikasi kewangan atau kad yang terlibat dalam Perkhidmatan Elektronik dari masa ke masa dan manamana individu yang mengguna (sama ada diberikuasa atau tidak) Perkhidmatan Elektronik tersebut.
Unit	bermaksud suatu syer atau unit dalam suatu Dana.

- 1.2 Perkataan yang merujuk kepada suatu individu termasuk suatu firma atau syarikat.
- 1.3 Perkataan yang merujuk kepada nombor tunggal termasuk nombor majmuk dan sebaliknya.
- 1.4 Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki termasuk jantina perempuan dan neuter dan sebaliknya.
- 1.5 Rujukan kepada klausula-klausula adalah rujukan kepada terma dan syarat ini. Tajuk dalam terma dan syarat ini adalah dimasukkan untuk kesenangan rujukan dan tidak menjelaskan tafsirannya.

## 2. Am

- 2.1 CIMB Islamic membekal Perkhidmatan Penjagaan untuk Pelanggan dan berikutnya, akan bertindak atas arahan Pelanggan untuk pelanggan/pembelian, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit dalam apa-apa Dana.
- 2.2 Pelanggan mengesahkan dan bersetuju bahawa terma dan syarat ini diperuntukkan untuk operasi Akaun Unit Amanah Pelanggan dan Pelanggan adalah diikat olehnya.
- 2.3 Permohonan untuk pelanggan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit mesti dibuat dengan melengkapkan dan mengemukakan borang relevan di cawangan CIMB Islamic atau melalui Perkhidmatan Elektronik, Permohonan Internet atau cara lain yang diberi oleh CIMB Islamic, dan akan hanya diproses jika ia dilengkapkan dan semua syarat lain dipatuhi.
- 2.4 CIMB Islamic akan menyediakan Bahan kepada Pelanggan. Pelanggan adalah didaftar sebagai automatik untuk menerima komunikasi elektronik dan Bahan yang diisukan berkenaan dengan Dana akan dibekalkan kepada Pelanggan melalui hyperlinks (jika ada) atau dalam salinan keras (jika tidak ada pada hyperlink). Jika Pelanggan ingin melihat salinan keras pengemaskinian atau laporan, mereka mesti mengemukakan permintaan di cawangan CIMB Islamic tanpa kos.
- 2.5 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa memandangkan Bahan adalah diisukan oleh Pengurus Dana masing-masing, CIMB Islamic tidak akan menanggung liabiliti atau bertanggungjawab untuk apa-apa kesalahan, kesalahanayaan, ketinggalan, kelengkapan atau ketepatan dalam mana-mana Bahan.
- 2.6 Pelanggan diperlukan mempunyai suatu CASA atau CASA-i yang aktif untuk membuka dan mengekalkan suatu Akaun. Jika CASA atau CASA-i Pelanggan adalah tidak aktif, Pelanggan diperlukan untuk mengaktifkan CASA atau CASA-i. Jika Pelanggan tidak mempunyai CASA atau CASA-i yang sedia ada, Pelanggan diperlukan untuk membuka dan menyimpan suatu CASA atau CASA-i.
- 2.7 Pelanggan boleh hanya melanggan Unit Amanah yang mematuhi Shariah dalam nama yang sama dengan CASA atau CASA-i mereka. Pelangganan Unit Amanah yang mematuhi Shariah untuk, dan/atau bagi pihak ketiga adalah dilarang secara ketat memandangkan bayaran untuk, dan penebusan Unit Amanah akan didebitkan secara langsung dari atau dikreditkan kepada CASA atau CASA-i Pelanggan.
- 2.8 Pelanggan bersetuju bahawa CIMB Islamic boleh melantik ejen atau sub-ejen untuk mengendalikan apa-apa tujuan atau fungsi seperti yang CIMB Islamic anggap sesuai.

## 3. Arahau untuk Melanggan, Menukar, Memindah dan Menebus Unit Amanah

- 3.1 Harga atau nilai Unit adalah diputuskan oleh Pengurus Dana masing-masing dan ia boleh berubah pada manamana Hari Urusan. Oleh yang demikian, apa-apa harga atau nilai berkenaan dengan mana-mana Unit yang diberi oleh CIMB Islamic kepada Pelanggan adalah hanya sebagai tunjukan sahaja.
- 3.2 Ia terdapat masa pemotongan untuk pengemukaan permohonan pada mana-mana hari.
- 3.3 Arahau yang diberi oleh Pelanggan kepada CIMB Islamic sebelum masa pemotongan pada mana-mana Hari Urusan akan dilaksanakan pada hari yang sama sekiranya arahan bayaran yang diperlukan boleh juga dilaksanakan sebelum masa pemotongan. Arahau yang diberi oleh Pelanggan kepada CIMB Islamic selepas masa pemotongan pada mana-mana Hari Urusan akan dilaksanakan pada Hari Urusan berikutnya, dan juga hanya jika arahan bayaran yang diperlukan boleh dilaksanakan oleh CIMB Islamic.
- 3.4 Pelanggan bersetuju bahawa CIMB Islamic boleh mengumpul semua arahan Pelanggannya pada suatu Hari Urusan dan mengemukakan suatu pesanan bergabung dengan Pengurus Dana yang relevan pada dasar harian atau dasar berkala.
- 3.5 Di mana CIMB Islamic telah mengemukakan suatu pesanan (bergabung atau sebaliknya) untuk pelanggan Unit atau untuk penukaran Unit dengan Pengurus Dana yang relevan, Pengurus Dana akan mengisukan Unit yang relevan kepada, dan mendaftarkan Unit dalam nama CIMB Islamic. Unit yang diisukan akan diagihkan atau diagihkan di antara Pelanggan yang melanggan kepada Unit relevan dalam rekod CIMB Islamic.
- 3.6 Memandangkan Unit didaftarkan dalam nama CIMB Islamic, lindungan takaful yang boleh dibekalkan oleh Pengurus Dana adalah **TIDAK** terpakai dan tidak akan dibekalkan kepada Pelanggan.

- 3.7 Apabila Pelanggan memberi arahan kepada CIMB Islamic, Pelanggan mesti menentukan CASA atau CASA-i yang didebitkan atau dikreditkan. Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa wang yang dikeluarkan dari CASA atau CASA-i untuk melanggan untuk atau membeli Unit adalah tidak dilindungi oleh PIDM.
- 3.8 Jika bayaran adalah perlu dibayar oleh Pelanggan, Pelanggan mesti mempunyai dana yang mencukupi di CASA atau CASA-i tersebut. Jika ia terdapat dana yang tidak mencukupi dalam CASA atau CASA-i relevan, CIMB Islamic akan berhak untuk menolak atau enggan melaksanakan arahan Pelanggan. Walaubagaimanapun, jika CIMB Islamic telah melaksanakan arahan Pelanggan yang mengakibatkan jumlah berlebihan dikeluarkan dalam CASA atau CASA-i, Pelanggan bersetuju bahawa CIMB Islamic berhak untuk mengenakan keuntungan dan caj lain atas jumlah berlebihan yang dikeluarkan selaras dengan terma dan syarat CASA atau CASA-i; dan bahawa CIMB Islamic boleh menjual atau menyebabkan dijual Unit yang dimiliki secara benefisial oleh Pelanggan dan menggunakan, memindah atau menolak hasil dari jualan tersebut untuk membayar untuk atau menyelesaikan jumlah berlebihan yang dikeluarkan yang dihutang kepada CIMB Islamic. Keuntungan adalah hanya terpakai kepada pelanggan individu dan bukan untuk pelanggan bukan individu.
- 3.9 Jika Pelanggan membuat bayaran melalui cek atau pesanan juruwang atau deraf bank atau instrumen boleh runding lain kepada CASA atau CASA-i yang berniat untuk menggunakan untuk bayaran Unit, Pelanggan bersetuju bahawa CIMB Islamic tidak akan dapat memproseskan arahan bayaran sehingga nilai untuk dana tersebut diterima sepenuhnya oleh CIMB Islamic. Jika CIMB Islamic membuat apa-apa bayaran untuk Unit Amanah yang mematuhi Shariah dalam niat baik mempercayai bahawa dana adalah dana yang diperjelaskan yang boleh dipindah secara bebas tetapi instrumen tersebut tidak ditunaikan, maka Pelanggan memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada CIMB Islamic untuk (i) menjual Unit tersebut balik kepada Pengurus Dana, dan (ii) debit CASA atau CASA-i yang sama untuk membayar untuk kekurangan dan segala perbelanjaan dan kerugian (mana yang terpakai) terjadi atau dialami oleh CIMB Islamic sebagai akibat menjual Unit tersebut balik kepada Pengurus Dana.
- 3.10 Apa-apa arahan yang dilaksanakan oleh CIMB Islamic atau bayaran yang dibuat oleh CIMB Islamic berikut kepada arahan yang diberi atau dikatakan diberi oleh Pelanggan atau penandatangan yang diberikuasa oleh Pelanggan akan membebaskan CIMB Islamic dari apa-apa liabiliti kepada Pelanggan atau pihak lain.
- 3.11 Di mana bayaran dibuat dalam mata wang asing berkenaan dengan pelanggan atau penebusan Unit, CIMB Islamic akan berhak untuk mengecaj, menyimpan atau menolak komisyen, caj bank, caj pungutan dan kos dan perbelanjaan lain di mana bayaran adalah dibuat oleh Pelanggan kepada CIMB Islamic, atau dari CIMB Islamic kepada Pelanggan.
- 3.12 Jika Pelanggan mengarahkan atau memerlukan penukaran Unit, CIMB Islamic hanya akan melanggan untuk Unit yang diperlukan oleh Pelanggan selepas penebusan Unit yang relevan telah disempurnakan dan disahkan.
- 3.13 Hasil penebusan yang diterima oleh CIMB Islamic akan dibayar atau dikreditkan kepada CASA atau CASA-i Pelanggan seperti yang dispesifikasi oleh Pelanggan dalam permohonan. Hasil penebusan akan adalah bersih dari apa-apa yuran, caj atau perbelanjaan dialami berkenaan dengan penebusan. CIMB Islamic tidak berwajib untuk mengesahkan kecukupan wang penebusan yang diterima.
- 3.14 Semua jumlah prinsipal pelaburan, kupon, keuntungan atau pemulangan akan dibayar kepada Pelanggan dan cara bayaran adalah diputuskan oleh CIMB Islamic.
- 3.15 Pelanggan akan menerima pengesahan transaksi dari CIMB Islamic berkenaan dengan apa-apa pelanggan, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit yang dilaksanakan oleh CIMB Islamic untuk Pelanggan.
- 3.16 Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa suatu Pengurus Dana adalah tidak wajib untuk menerima, atau boleh hanya bertindak sebahagian atas suatu arahan pelanggan atau penebusan yang diterima. Dalam hal ini, CIMB Islamic dan ejen dan/atau nomininya tidak akan berkewajipan atau bertanggungjawab untuk apa-apa tindakan atau penolakan oleh Pengurus Dana, atau untuk apa-apa kerugian termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kerugian peluang pelaburan yang mana Pelanggan boleh mengalami atau terjadi sebagai akibat suatu penolakan untuk menerima atau kelewatan dalam menerima atau tindakan sebahagian oleh Pengurus Dana pada pelanggan atau penebusan Unit tersebut.
- 3.17 Dividen yang diisyiharkan oleh mana-mana Pengurus Dana akan dilaburkan semula secara automatik dalam Dana yang relevan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam apa-apa peraturan atau garis panduan yang disukar oleh pihak berkuasa yang mana CIMB Islamic akan membayar dividen tersebut kepada Pelanggan.

#### **4. Arahān Bayaran Berkala (“PPI”)**

- 4.1 Pelanggan boleh memohon untuk membeli Unit dalam mana-mana Dana secara berkala dengan melengkapkan dan mengemukakan kepada CIMB Islamic suatu borang "Periodical Payment Application" atau borang PPI, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalamnya. Bayaran berkala boleh adalah suatu jumlah bersamaan atau lebih tinggi dari jumlah yang diperuntukkan oleh Pengurus Dana.
- 4.2 Bayaran berkala untuk pelanggan Unit akan didebitkan dari CASA atau CASA-i seperti yang dispesifikasi oleh Pelanggan dalam borang PPI. Jika hari yang dispesifikasi untuk debit adalah hari cuti awam, maka CASA atau CASA-i tersebut akan didebitkan pada hari perbankan berikutannya.

- 4.3 Tempoh masa untuk bayaran berkala adalah dispesifikasi oleh Pelanggan dalam borang PPI. Jika tempoh masa adalah tidak dispesifikasi dalam borang PPI, maka Pelanggan mesti melengkapkan suatu borang "Standing Instruction Termination" untuk memberhentikan bayaran berkala.
- 4.4 CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan atas alasan atau berkaitan dengan arahan yang diberi atau dibuat oleh Pelanggan di bawah PPI atau mana-mana transaksi berkaitan kecuali ia disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau kemungkiran sengaja CIMB Islamic.

## 5. Jagaan Unit

- 5.1 Pelanggan mengakui bahawa CIMB Islamic boleh dilantik oleh Pengurus Dana untuk memasarkan dan mengedarkan Unit atas terma dan syarat seperti yang CIMB Islamic bersetuju dengan Pengurus Dana. Pelanggan juga mengakui bahawa CIMB Islamic akan menerima komisyen, yuran atau diskau dari Pengurus Dana untuk jualan atau pengisuan Unit, atau urusan lain berkenaan dengan Unit Amanah yang mematuhi Shariah, dan bersetuju bahawa CIMB Islamic boleh menyimpan untuk faedah sendiri dan tanpa kewajipan untuk menjawab kepada Pelanggan untuk komisyen, yuran atau diskau tersebut.
- 5.2 CIMB Islamic hendaklah memegang Unit dalam apa-apa Dana yang dimiliki secara benefisial oleh Pelanggan sebagai nomini Pelanggan.
- 5.3 CIMB Islamic hendaklah menghantar kepada Pelanggan apa-apa dokumen seperti notis, proxy, pekeliling, hak dan lain-lain atau memaklumkan Pelanggan berkenaanya.
- 5.4 CIMB Islamic tidak mempunyai sebarang kewajipan atau obligasi untuk menghadiri (atau menyebabkan ejen dan nomininya untuk menghadiri) apa-apa mesyuarat atau untuk mengundi (atau menyebabkan ejen dan nomininya untuk mengundi) untuk apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana Dana.
- 5.5 CIMB Islamic hendaklah, atas budi bicara dan dari masa ke masa, memindah mana-mana Unit dalam manamana Dana yang dipegang olehnya dan bagi pihak Pelanggan kepada mana-mana pihak ketiga yang CIMB Islamic mungkin berniat untuk melantik sebagai penjaga Unit tersebut dan CIMB Islamic akan memberi notis bertulis kepada Pelanggan untuknya. Dalam hal jika penjaga dilantik, penjaga berhak untuk melaksanakan segala hak dan kuasa dan diberi segala perlindungan dan indemniti yang mana CIMB Islamic diletakkan berikut kepada terma dan syarat ini.

## 6. Risiko

- 6.1 Dana bukan deposit bank dan adalah tidak diendors atau dijamin dan tidak merangkumi kewajipan CIMB Islamic atau mana-mana gabungan atau anak-anak syarikatnya. Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa Unit adalah tidak dilindungi oleh PIDM.
- 6.2 Dana adalah tertakluk kepada risiko pelaburan dan risiko pasaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilabur.
- 6.3 Prestasi dulu mana-mana Dana bukan suatu tunjukan prestasi masa depannya dan nilai mana-mana Dana atau dividen yang boleh dibayar, jika sebarang diisyiharkan, boleh menjatuh dan juga boleh menaik.
- 6.4 Pelanggan menyatakan dan menjamin bahawa Pelanggan akan mendapatkan Bahan yang dikemaskini dari sama ada CIMB Islamic atau Pengurus Dana yang relevan sebelum memberi apa-apa arahan kepada CIMB Islamic. Pelanggan memahami, dan adalah berpengetahuan sepenuhnya risiko yang terlibat dengan melabur dalam Unit dan/atau dalam Dana.
- 6.5 Pelanggan mengakui kepentingan dalam mendapatkan nasihat kewangan dan profesional yang bebas berkenaan dengan apa-apa urusan dalam Unit atau Dana atau pelaburan atau peluang pelaburan. Pelanggan mengakui bahawa apa-apa urusan dalam Dana atau Unit adalah risiko Pelanggan secara tunggal dan eksklusif berdasarkan penilaian bebas Pelanggan sendiri selepas menaksirkan sepenuhnya risiko yang berkaitan dengan urusan tersebut.
- 6.6 Jika Dana adalah suatu dana yang dilindungi/dijamin i.e. modal dilindungi/dijamin, Pelanggan mesti memegang Unit tersebut sehingga matang. Dalam hal penebusan awal Unit sebelum tarikh matang, Pelanggan adalah tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah di bawah Dana dilindungi/dijamin dan jumlah yang diterima oleh Pelanggan selepas penebusan pra-masa mungkin lebih kurang dari pelaburan permulaan Pelanggan disebabkan oleh penyesuaian pasaran atau prestasi Dana terhadap keadaan pasaran. Tambahan, Pelanggan hendaklah wajib untuk membayar yuran penebusan yang dinyatakan dalam Prospektus yang relevan untuk Dana tersebut, mana yang terpakai.
- 6.7 Pelanggan adalah tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 memandangkan dana pampasan tidak dilanjutkan kepada kerugian kewangan yang dialami atas sebab pengelapan atau salahguna wang atau hartaanah lain secara frod oleh seorang pengarah, pegawai,

pekerja atau wakil CIMB Islamic. Jika Pelanggan mengalami kerugian kewangan dalam keadaan di atas berkaitan dengan tindakan pekerja CIMB Islamic, Pelanggan boleh membuat aduan dengan Unit Resolusi Pelanggan CIMB Islamic ("CRU") seperti yang dinyatakan di Klausula 18 Terma dan Syarat ini.

- 6.8 Pelanggan yang tidak puas hati dengan keputusan CRU boleh merujuk kes mereka kepada Securities Industry Dispute Resolution Centre ("SIDREC") dan/atau Federation of Investment Manager Malaysia's Complaints Bureau ("FIMM"). Pelanggan boleh juga menujukan aduan kepada Investor Affairs & Complaints Department Suruhanjaya Sekuriti walaupun Pelanggan telah memulakan proses resolusi pertikaian dengan SIDREC.

## 7. Yuran dan caj, cukai dan pemegangan

- 7.1 CIMB Islamic berhak untuk melevikan atau mengenakan yuran dan caj dari masa ke masa berkenaan perkhidmatan yang diberi kepada Pelanggan. Pelanggan memberi kuasa kepada CIMB Islamic untuk mendebitkan jumlah tersebut dari CASA atau CASA-i Pelanggan.
- 7.2 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk segala cukai, kastam, levi, duti, caj, fi, penolakan, dan pemegangan berkaitan dengan Unit atau perkhidmatan yang diberi atas Akaun. Pelanggan hendaklah memberi indemnititi kepada CIMB Islamic dan memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada CIMB Islamic untuk mendebit jumlah tersebut dari CASA atau CASA-i Pelanggan.
- 7.3 Di mana diperlukan oleh sebarang pihak berkuasa kerajaan, penyeliaan atau pengawalan di dalam atau di luar negara, Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa CIMB Islamic boleh memegang, dan membayar, dari Akaun atau CASA atau CASA-i atau mana-mana akaun lain Pelanggan jumlah tersebut seperti yang diperlukan mengikut undang-undang, peraturan, arahan, garis panduan dan/atau perjanjian sedia ada dengan dan/atau dari pihak berkuasa kerajaan, penyeliaan atau pengawalan di dalam atau di luar negara.

## 8. Pendedahan

- 8.1 Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada entiti dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang utama CIMB Islamic ("**Syarikat Kumpulan**") jika dibantah oleh Pelanggan; dan (ii) memerlukan persetujuan nyata Pelanggan untuk pendedahan maklumat kepada pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan, Pelanggan di sini bersetuju dan memberikuasa kepada CIMB Islamic untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Pelanggan, hal-ehwal dan/atau akaun lain Pelanggan yang disimpan dengan CIMB Islamic untuk:

- ejen, pembekal perkhidmatan, juru audit, kaunsel undang-undang dan penasihat profesional di dalam dan di luar Malaysia;
- Bureau Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, DCHEQS dan pihak berkuasa lain yang relevan yang mana Bank diwajibkan untuk membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa terhadap CIMB Islamic;
- Syarikat Kumpulan sama ada Syarikat Kumpulan tersebut bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;

Untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan untuk atau diberi atau dibekal oleh CIMB Islamic dan/atau Syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka, dan juga kepada:

- mana-mana syarikat dan/atau perbadanan yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pematuhan transaksi atau arahan yang pemegang akaun telah meminta dan/atau memberi kepada CIMB Islamic; dan
- mana-mana penerima pindahan atau penerima hak potensi dengan yang mana CIMB Islamic sedang berbincang untuk pemindahan, pemberian hak atau kewajipan di bawah atau melalui rujukan kepada Akaun ini.

- 8.2 Pendedahan oleh CIMB Islamic kepada Syarikat Kumpulan boleh juga untuk jualan silang dan tujuan lain CIMB Islamic dan/atau Syarikat Kumpulan tertakluk bahawa pendedahan untuk tujuan jualan silang hendaklah tidak diefekkan jika pendedahan tersebut dibantah oleh Pelanggan dengan menghubungi CIMB Islamic pada nombor telefon atau alamat berikut (yang mana boleh ditukar oleh CIMB Islamic dari masa ke masa melalui notis kepada Pelanggan): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel:+603 6204 7788 / e-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com).

- 8.3 Selanjutnya, di mana CIMB Islamic berniat untuk berkongsi maklumat Pelanggan (tidak termasuk maklumat berkenaan hal-ehwal atau akaun Pelanggan) dengan pihak ketiga, seperti kerjasama strategik untuk tujuan pemasaran atau promosi, CIMB Islamic hendaklah memastikan bahawa persetujuan Pelanggan telah diperolehi.

- 8.4 Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kuasa secara nyata dan menjemput pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen CIMB Islamic untuk menghubungi pemegang akaun dari masa ke masa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang diefekkan melalui mana-mana cara komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon berkenaan apa-apa promosi.

## **9. Akaun Bersama**

- 9.1 Jika mana-mana permohonan untuk membuka Akaun atau untuk memegang, melanggan, menukar, memindah atau menebus Unit ditandatangani atau dibuat oleh lebih daripada satu individu, ia adalah mengikat pada semua individu secara bersesama dan berasingan, dan setiap mereka hendaklah diikat secara bersesama dan berasingan oleh terma dan syarat ini.
- 9.2 Jika terdapat lebih daripada satu individu atau pemilik benefisial mana-mana Unit dalam mana-mana Dana, ia adalah dimiliki secara benefisial oleh Pelanggan tersebut atau individu bersesama dengan hak prinsip masih hidup. Dalam hal kematian mana-mana satu atau lebih pemilik benefisial bersama atau pemegang Unit, CIMB Islamic adalah berhak untuk membayar atau menghantari hasil penebusan Unit tersebut yang dipegang atau dimiliki secara benefisial oleh pemegang bersama kepada aturan individu atau individu-individu yang masih hidup tertakluk kepada pematuhan (jika perlu) dengan Enakmen Duti Estet, prinsip Shariah atau perundangan lain yang bersifat sama.
- 9.3 Sebarang pernyataan atau notis yang diberi oleh CIMB Islamic kepada mana-mana pemegang akaun bersama atau pemilik benefisial Unit bersama adalah notis mencukupi kepada semua pemegang akaun bersama. CIMB Islamic adalah bebas untuk mengeluarkan atau melepaskan mana-mana satu atau lebih individu dari liabiliti atau kompaun dengan atau membuat pengaturan lain dengan individu sedemikian tanpa dengan berikutnya mengeluarkan atau melepaskan pihak lain kepada perjanjian dan indemnit atau sebaliknya memungkiri atau menjelaskan hak dan remedii CIMB Islamic terhadap pihak atau individu sedemikian.

## **10. Komunikasi dan Notis**

- 10.1 Komunikasi dan notis kepada Pelanggan akan adalah melalui apa-apa cara berikut dan akan adalah dianggap telah disampaikan kepada Pelanggan berikutnya:
  - (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (7) selepas pengeposan; atau
  - (ii) jika dihantar secara kediri, pada masa penghantaran atau dispatch; atau
  - (iii) jika melalui kurier, serta-merta atas pengakuan atas nota konsainan kurier; atau
  - (iv) jika melalui cara komunikasi yang serta-merta (termasuk emel, perkhidmatan mesej pendek (SMS) dan rakaman suara), serta-merta; atau
  - (v) jika melalui penerbitan pada laman web CIMB Islamic atau di mana-mana cawangan CIMB Islamic, pada hari penerbitan.
- 10.2 Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memastikan notis dan/atau komunikasi dari CIMB Islamic adalah tidak dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga. CIMB Islamic adalah tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk (i) maluan yang disebabkan atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan, jika notis dan/atau komunikasi dari Bank adalah dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga; dan (ii) mana-mana kerugian atau kerosakan lain yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh:-
  - (i) kesalahan dalam transmisi;
  - (ii) ketidakstesen, ketidaklengkapahan, kelewatian, ketidakhartaran atau transmisi bersalah kepada mana-mana pihak ketiga;
  - (iii) maklumat yang diakses secara salah, atau penggunaan atau penafsiran salah dan yang tidak dibenarkan maklumat yang dihantar;dan menuntut untuk fitnah bertulis atau fitnah lisan berbangkit dari apa-apa maklumat yang dihantar kecuali Pelanggan menunjukkan bahawa ia berbangkit dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau kemungkinan sengaja CIMB Islamic.
- 10.3 Notifikasi boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan atau bahasa yang dipilih oleh CIMB Islamic.
- 10.4 Sebarang notis yang diberi kepada Pelanggan boleh ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, penolong pengurus, pegawai atau mana-mana peguamcaria yang dikatakan bertindak bagi pihak CIMB Islamic. Jika notis adalah dijana oleh komputer, tiada tandatangan diperlukan.
- 10.5 Pelanggan mesti memaklumkan CIMB Islamic secepatnya jika terdapat apa-apa penukaran (i) alamat pos, (ii) alamat emel, (iii) nombor telefon dan/atau (iv) butir-butir lain Pelanggan yang direkodkan dengan CIMB Islamic, melalui cara yang ditentukan yang dibenarkan oleh CIMB Islamic, untuk memastikan segala notis dan/atau komunikasi sampai kepada Pelanggan pada masa yang tepat.
- 10.6 Pelanggan memahami bahawa notis sebenar mesti diberi kepada CIMB Islamic untuk apa-apa penukaran dalam alamat supaya penukaran alamat boleh efektif dan mengikat pada CIMB Islamic.
- 10.7 Tambahan, jika terdapat penukaran kepada (i) nombor telefon; (ii) alamat emel; dan/atau (iii) butir-butir lain Pelanggan yang direkod dengan CIMB Islamic, Pelanggan mesti memaklumkan CIMB Islamic secepatnya untuk memastikan semua surat menyurat dan/atau komunikasi sampai kepada Pelanggan dalam masa yang tepat.

10.8 Penyerahan apa-apa proses mahkamah atau penghantaran dokumen atau item lain boleh dilaksanakan melalui pos biasa atau secara serahan tangan atau perkhidmatan kurier kepada alamat pos terakhir Pelanggan dalam rekod CIMB Islamic dan adalah dianggap diserah selepas tujuh (7) hari kalender selepas diposkan jika ia dihantar melalui pos dan pada masa penghantaran, jika dihantar secara serahan tangan atau kurier. Penyerahan proses mahkamah boleh juga dilaksanakan dalam apa jua cara yang dibenarkan oleh undang-undang.

## 11. Terma lain

- 11.1 CIMB Islamic adalah tidak mempunyai sebarang liabiliti untuk apa-apa kelewatan, kerugian atau kerosakan yang diakibatkan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh bencana alam, sekatan kerajaan, kerosakan keadaan atau pengawalan dalam sistem komunikasi atau atas alasan lain, perkara atau benda yang di luar kawalan biasa mereka.
- 11.2 Transaksi yang dilakukan oleh CIMB Islamic atau sesiapa individu yang bertindak atas arahan yang dibuat atau diberi oleh Pelanggan atau dikatakan dibuat atau diberi oleh Pelanggan di mana Pelanggan terdiri dari lebih daripada satu individu atau penandatangan yang diberikuasa oleh Pelanggan atau oleh sesiapa individu atas pihak Pelanggan dan transaksi berbangkit dari penggunaan atau penggunaan yang dikatakan mana-mana Kad atau bila ada, Perkhidmatan Elektronik atau Permohonan Internet atau permohonan lain adalah mengikat pada Pelanggan untuk kesemua tujuan tidak mengira keadaan pada masa ketika itu atau sifat transaksi atau pengaturan atau jumlah wang terlibat dan tidak mengira apa-apa kesalahan atau kesalahfahaman atau kurang penjelasan berkenaan dengan arahan atau komunikasi tersebut.
- 11.3 Pelanggan menyatakan, menjamin dan mengakujanji kepada CIMB Islamic bahawa butir-butir Pelanggan yang dibekalkan kepada CIMB Islamic, termasuk butir-butir status residensi atau status residensi cukai adalah tepat, benar dan lengkap. Pelanggan mengakujanji untuk memaklumkan CIMB Islamic dengan serta-merta apa-apa perubahan untuk butir-butir tersebut. Kecuali bahawa CIMB Islamic menerima apa-apa notis perubahan, CIMB Islamic akan bergantung kepada rekod dalam borang terakhir yang dikemukakan oleh Pelanggan. CIMB Islamic tidak bertanggungjawab untuk menentusahkan apa-apa butir yang dibekalkan oleh Pelanggan dan CIMB Islamic tidak akan wajip atau bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau terjadi kepada Pelanggan atau sesiapa individu lain atas sebab kesalahan atau ketinggalan dalam permohonan terakhir yang dikemukakan kepada CIMB Islamic atau dalam arahan yang diberi oleh Pelanggan termasuk kerugian atau kerosakan yang dialami atas alasan kecuali disebabkan secara langsung oleh kecuanan melampau atau kemungkiran sengaja CIMB Islamic dan/atau ejen dan nomininya.
- 11.4 CIMB Islamic boleh meminda (sama ada dengan menambah, mengeluarkan dari atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberi kepada Pelanggan notis terdahulu sekurangkurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum Pindaan berkuatkuasa. Pindaan akan berkuatkuasa dan mengikat dari tarikh yang dinyatakan dalam notis. Pelanggan boleh menutup Akaun jika mereka tidak setuju kepada Pindaan tersebut.
- 11.5 Terma dan Syarat ini akan terus mengikat Pelanggan walaupun terdapatnya penukaran melalui penyatuhan, penggabungan, pembinaan semula atau sebaliknya kepada CIMB Islamic dan/atau Pelanggan.
- 11.6 CIMB Islamic akan menghantar atau menyebabkan pengesahan transaksi dan penyata berkaitan dengan Akaun dihantar kepada Pelanggan. Pelanggan boleh memohon untuk melihat penyata mereka atas talian melalui CIMB Islamic Clicks. Permintaan untuk salinan tambahan penyata dalam salinan keras akan tertakluk kepada yuran yang terpakai. Permintaan untuk penyata untuk tempoh melebihi satu (1) tahun akan melibatkan kos yang lebih tinggi.
- 11.7 Pelanggan mesti menyemak dengan berhati-hati penyata dan apa-apa kesalahan dan ketidaktepatan mesti dimaklumkan kepada CIMB Islamic dengan serta-merta. Jika Pelanggan tidak memaklumkan CIMB Islamic secepat mungkin (notifikasi adalah dianggap sebagai dibuat secepat mungkin jika ia adalah tidak lewat dari empat belas (14) hari dari tarikh penyata), Pelanggan akan dianggap telah menerima secara konklusif kandungan penyata sebagai benar dan tepat dan tidak berhak untuk memperbetulkan sebarang kesalahan atau ketidaktepatan.
- 11.8 CIMB Islamic boleh memilih untuk tidak mengisukan sebarang penyata jika Akaun adalah dorman atau tidak aktif untuk apa-apa tempoh. CIMB Islamic boleh memberhentikan pengisuan penyata jika penyata tidak dituntut atau tidak boleh dihantar untuk apa-apa alasan.

## 12. Mata Wang Asing

- 12.1 Jika Pelanggan melanggan/membeli atau memegang mana-mana Unit Amanah yang mematuhi Shariah dalam mata wang asing, Pelanggan akan menanggung risiko apa-apa akta atau undang-undang yang menjelaskan kesediaan, atau mengakibatkan keharaman dalam bayaran dalam mata wang asing tersebut berkenaan dengan Unit Amanah atau Dana yang mematuhi Shariah, dan CIMB Islamic tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika kerugian sedemikian berlaku.
- 12.2 Jika terdapatnya apa-apa sekatan atau kawalan dalam dagangan, penukaran atau remit apa-apa mata wang yang dikenakan di negara yang mana mata wang relevan diisukan, CIMB Islamic adalah berhak untuk menukar mata

wang tersebut kepada mata wang pilihan CIMB Islamic pada kadar pertukaran pada masa itu tanpa mendapatkan persetujuan Pelanggan dan sebarang pertukaran sedemikian adalah tertakluk kepada yuran dan caj.

### 13. Wang yang Tak Dituntut

- 13.1 Jika CIMB Islamic tidak dapat mengkredit CASA atau CASA-i Pelanggan untuk apa jua alasan termasuk tetapi tidak terhad kepada CASA atau CASA-i Pelanggan yang tidak aktif, dorman atau ditutup, CIMB Islamic akan meneruskan dengan bayaran kepada Pelanggan melalui cara lain. Jika bayaran tersebut tidak dituntut selepas satu tahun, ia akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang yang Tak Dituntut selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

### 14. Pembekuan Akaun

- 14.1 CIMB Islamic boleh membekukan Akaun pada bila-bila masa selaras dengan apa-apa undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan/atau enakmen. CIMB Islamic juga dibenarkan, tanpa memberi sebarang notis terdahulu kepada Pelanggan, untuk menghalang dari mengefekkan atau mengendalikan apa-apa arahan atau transaksi di bawah Akaun ("**Pembekuan Akaun**") sekiranya keadaan berikut berlaku:

- (a) CIMB Islamic dimaklumkan bahawa Pelanggan telah melakukan perbuatan kebankrapan dan/atau notis kebankrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemutang untuk kebankrapan seperti yang terpakai telah difaikan dan/atau dikemukakan terhadap Pelanggan ("**Perkara Insolvensi Pelanggan**");
- (b) berkenaan dengan Akaun yang dipegang sebagai akaun bersama, jika CIMB Islamic menerima tuntutan atau arahan bercanggahan ("**pertikaian dalam Pelanggan**");
- (c) CIMB Islamic dimaklumkan dan diminta oleh sebarang pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa statutori atau kerajaan ("**pihak berkuasa relevan**") untuk menghalang dari melakukan apa-apa transaksi di bawah Akaun tidak mengira sama ada pihak berkuasa relevan mempunyai kuasa undang-undang atau sah untuk membuat permintaan sedemikian kepada Bank ("**arahan pihak berkuasa relevan**");
- (d) jika CIMB Islamic mengesyaki apa-apa aktiviti frod berkenaan Akaun tersebut, atau jika apa-apa laporan polis dibuat berkenaan Akaun, oleh sesiapa individu atau CIMB Islamic atau jika CIMB Islamic dan/atau pihak berkuasa relevan mengendalikan apa-apa penyiasatan berkenaan apa-apa transaksi haram dilakukan melalui Akaun, salahguna atau kecurigaan penyalahgunaan Akaun atau transaksi frod berkenaan Akaun; dan
- (e) jika CIMB Islamic mengetahui aduan telah dibuat oleh pihak ketiga kepada pihak berkuasa relevan bahawa Akaun telah digunakan untuk mengendalikan transaksi frod dan/atau deposit dan/atau penipuan dan/atau meminta deposit haram berdasarkan penyiasatan dalamannya atau maklumat yang diberi kepadanya oleh pihak berkuasa relevan.

- 14.2 Pembekuan Akaun akan diberhentikan dalam keadaan berikut:-

- (a) Berkenaan perkara insolvensi Pelanggan, CIMB Islamic dibekalkan dengan bukti yang memuaskan bahawa notis kebankrapan atau petisyen penggulungan atau petisyen pemutang untuk kebankrapan telah ditarikbalik atau ditolak atau dibatalkan secara sah oleh mahkamah atau jika CIMB Islamic diarahkan oleh mahkamah untuk memberhentikan Pembekuan Akaun;
- (b) Berkenaan pertikaian dalam Pelanggan, ia diselesaikan antara pemegang akaun Bersama terlibat dan suatu pernyataan bertulis yang menyatakan sedemikian ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama telah diserahkan kepada CIMB Islamic untuk meminta untuk pemberhentian tanpa syarat Pembekuan Akaun atau jika CIMB Islamic diarahkan oleh mahkamah untuk memberhentikan Pembekuan Akaun;
- (c) Berkenaan arahan pihak berkuasa, CIMB Islamic dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa untuk memberhentikan pembekuan Akaun atau jika CIMB Islamic diarahkan oleh mahkamah untuk memberhentikan Pembekuan Akaun; dan
- (d) Berkenaan penyiasatan oleh pihak berkuasa atau CIMB Islamic, CIMB Islamic yang berpuas hati bahawa tiada penyiasatan selanjutnya diperlukan atau CIMB Islamic diserahkan dengan notifikasi oleh pihak berkuasa bahawa Akaun tersebut tidak lagi mempunyai sebarang kesan atas apa-apa penyiasatan semasa atau penyiasatan telah diberhentikan.

- 14.3 Dalam mengambil apa-apa tindakan untuk membeku Akaun, termasuk tidak mengefekkan arahan Pelanggan, CIMB Islamic tidak akan dipegang wajip untuk fitnah dan/atau untuk apa-apa kerugian kerosakan perbelanjaan kos atau caj sebagaimanapun, ditutut terhadap, atau terjadi atau dialami oleh CIMB Islamic. Pelanggan bersetuju dan mengakujanji untuk menanggung rugi CIMB Islamic terhadap apa-apa tuntutan untuk kerosakan kerugian

perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara anakguam dan dasar pihak dan pihak) yang mana boleh dibuat terhadap CIMB Islamic oleh sesiapa individu untuk tindakan CIMB Islamic dalam membeku Akaun selaras dengan klaus ini.

- 14.4 Jika CIMB Islamic disaman atau dijadikan pihak kepada mana-mana guaman berbangkit dari Pembekuan Akaun oleh CIMB Islamic atau jika sebelum atau selepas Pembekuan Akaun, CIMB Islamic memfailkan guaman (termasuk prosiding interpleader) terhadap mana-mana pihak termasuk Pelanggan, Pelanggan akan menanggung rugi CIMB Islamic untuk kesemua penalti kerugian kerosakan tuntutan perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan dasar pihak dan pihak) yang mana boleh diberi oleh mahkamah terhadap CIMB Islamic atau yang CIMB Islamic boleh mengalami.
- 14.5 Dalam melaksanakan hak CIMB Islamic, Pelanggan bersetuju bahawa CIMB Islamic tidak akan dipegang wajip atau bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau kos sebagaimana atas alasan tunggal bahawa CIMB Islamic tidak mempunyai sebarang notis sempurna bahawa keadaan di Klausa 14.1 berlaku sama ada disebabkan notis tersebut adalah tidak sempurna, tidak sah, salah, silap, terbatas, atau sebaliknya tidak efektif untuk apa-apa alasan pun.

## **15. Indemniti**

- 15.1 Pelanggan bersetuju untuk memberi indemniti sepenuhnya dan menanggung rugi CIMB Islamic dari dan terhadap segala liabiliti, kerugian, caj, perbelanjaan (termasuk yuran guaman dan kos atas dasar indemniti penuh), permintaan, tuntutan, tindakan dan prosiding bagaimanapun yang boleh diambil terhadap atau terjadi atau dialami oleh CIMB Islamic secara langsung atau tidak langsung atau disebabkan atau berkaitan dengan atau berbangkit dari atau berhubungan dengan pemegangan, pelanggaran, penukaran, pemindahan atau penebusan Unit atau jagaan Unit atau mana-mana pesanan, permintaan, arahan atau transaksi yang dibuat atau dikatakan dibuat oleh Pelanggan dan Pelanggan perlu membayar dan membayar gantinya atas tuntutan pada bila-bila masa dan dari masa ke masa kecuali Pelanggan boleh membuktikan bahawa liabiliti, kerugian, caj, perbelanjaan, permintaan, tuntutan, tindakan dan prosiding tersebut disebabkan oleh kecuaian melampau atau kemungkiran sengaja oleh Bank.

## **16. Penamatatan**

- 16.1 Pelanggan boleh menutup Akaun dan/atau menebus Unit pada bila-bila masa dengan melengkapkan borangborang tertentu.
- 16.2 CIMB Islamic boleh juga menutup Akaun dan/atau menamatkan pelaburan dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Selepas pengisuan notis penamatatan, Pelanggan adalah perlu membuat pengaturan untuk memindahkan Unit sedia ada dari CIMB Islamic (atau penjaga lain, sekiranya suatu telah dilantik oleh CIMB Islamic) kepada Pelanggan atau individu yang Pelanggan boleh melantik sebelum tarikh efektif penamatatan. Sekiranya Pelanggan gagal menyempurnakan pengaturan tersebut, CIMB Islamic boleh memindahkan atau menebus Unit dan CIMB Islamic diberikuasa yang tidak boleh dibatalkan untuk membuat demikian bagi pihak Pelanggan dan atas kos Pelanggan, tanpa sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk terjadi atau dialami oleh Pelanggan.
- 16.3 Jika untuk apa-apa alasan Pengurus Dana mengarahkan atau menyuruh CIMB Islamic untuk melupuskan, memindah, menebus atau menjual mana-mana Unit, CIMB Islamic akan mengikut arahan Pengurus Dana atau mendapatkan persetujuan Pelanggan untuk membuat demikian dan jika tiada persetujuan diterima dalam masa yang ditetapkan, CIMB Islamic adalah diberikuasa yang tidak boleh dibatalkan oleh Pelanggan untuk meneruskan dengan pelupusan, pemindahan, penebusan atau penjualan Unit dan akan mengreditkan hasil tersebut kepada CASA atau CASA-i Pelanggan atau sebaliknya membuat bayaran kepada Pelanggan.

## **17. Undang-undang Terpakai dan Bidang Kuasa**

- 17.1 Termasuk Syarat ini adalah tertakluk dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan perbadanan kawalan yang lain yang mana Bank tertakluk kepada.
- 17.2 Pelanggan bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.
- 17.3 Dana atau mana-mana wang yang dikeluarkan dari deposit berinsurans untuk tujuan pembelian mana-mana Unit dalam Dana adalah tidak dilindungi oleh PIDM.

## **18. Maklum Balas dan Aduan**

Maklum balas dan/atau aduan boleh dihantar kepada CIMB Islamic di butir-butir hubungan berikut:

Unit Resolusi Pelanggan (CRU)  
P.O. Box 10338  
GPO Kuala Lumpur

50710 Wilayah Persekutuan  
No. Tel : +603-6204 7788  
E-mel : contactus@cimb.com

Klausa Privasi (untuk Individul Natural)

**Klausa 19 ini terpakai di mana Pelanggan adalah individu (termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilik tunggal, rakan kongsi, perniagaan berdaftar dan persatuan).**

- 19.1 Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi CIMB Group (yang sedia ada di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)) dan klausa-klausa di sini, seperti yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap termasuk secara rujukan kepada terma dan syarat ini.
- 19.2 Sekiranya Pelanggan membekalkan maklumat peribadi dan kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan waris kadim dan tanggungan kamu untuk tujuan membuka atau beroperasi akaun/kemudahan Pelanggan dengan CIMB Islamic atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan CIMB Islamic, Pelanggan (a) mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapatkan persetujuan mereka atau adalah sebaliknya berhak untuk memberi maklumat ini kepada CIMB Islamic dan untuk CIMB Islamic menggunakananya selaras dengan terma dan syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memaklumkan CIMB Islamic secara bertulis sekiranya terdapat perubahan material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju kepada hak CIMB Islamic untuk menutup Akaun dan/atau menamatkan Perkhidmatan Pelaburan dan Penjagaan sekiranya persetujuan tersebut ditarikbalik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 19.3 Di mana Pelanggan mengarahkan CIMB Islamic untuk mengefekkan mana-mana transaksi silang sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butir-butir relevan kepada transaksi silang sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan yang terlibat dalam transaksi) boleh diterima dari atau dihantar kepada luar negara, di mana ia boleh diakses (secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal luar negara dan pihak-pihak berkuasa berhubungan dengan kewajipan sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan CIMB Islamic dan/atau ejen CIMB Islamic untuk memasuki mana-mana transaksi silang sempadan atas pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju kepada pendedahan tersebut atas pihak Pelanggan dan lain yang terlibat dalam transaksi silang sempadan tersebut.
- 19.4 CIMB Islamic boleh pada bila-bila masa dan dari masa ke masa sekarang dan/atau pada masa depan mengendalikan semak rujukan termasuk tetapi tidak terhad kepada semak rujukan/laporan kredit dengan agensi rujukan/laporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, Financial Information Services Sdn Bhd dan/atau mana-mana agensi dan/atau dari mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan CIMB Islamic untuk mengesahkan status Pelanggan seperti yang diperlukan untuk membantu untuk membuat keputusan, contohnya apabila CIMB Islamic perlu (a) menyemak butir-butir pada permohonan untuk kredit dan kemudahan berkaitan kredit dan lain; (b) mengurus kredit dan akaun atau kemudahan berkaitan kredit, termasuk mengendalikan semakan portfolio Pelanggan; dan/atau (c) memulih hutang. Pelanggan akan dikaitkan oleh agensi rujukan/laporan kredit kepada mana-mana nama yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pelanggan, dan pemohon bersesama dan berasingan. CIMB Islamic boleh berkongsi maklumat berkenaan Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan dengan agensi rujukan/laporan kredit relevan, dan untuk mana-mana agensi rujukan/laporan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit kamu kepada pelangannya untuk tujuan mengesan frod dan mencegah frod.
- 19.5 Walaupun selepas Pelanggan membekalkan CIMB Islamic dengan apa-apa maklumat, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarikbalik persetujuan yang diberi terdahulu. Dalam hal ini, CIMB Islamic akan mempunyai hak untuk tidak membekalkan atau memberhentikan pemberian apa-apa produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya 3 hari perniagaan kepada kamu.
- 19.6 CIMB Islamic menrizabkan hak untuk meminda klausa ini dari masa ke masa atas budi bicara tunggal CIMB Islamic dan akan memberi notis terdahulu tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dan meletakkan pindaan tersebut di laman web dan/atau meletakkan notis di kawasan perbankan atau di lokasi jelas di cawangan CIMB Islamic.
- 19.7 Untuk tujuan klausa 19 ini, CIMB Group termasuk CIMB Group Holdings Berhad dan kesemua syarikat berkaitan seperti yang didefinisikan di Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat yang dikawal bersama yang membekalkan perkhidmatan kewangan dan terkawal yang lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan kehadiran bentuk lain di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "CIMB Islamic" dan "CIMB Islamic's" adalah dibaca sebagai rujukan kepada CIMB Group.
- 19.8 Klausa ini adalah tanpa prejudis kepada mana-mana klausa dalam terma dan syarat ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.